

Headline	Agama lain sedia bantu kami		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	8	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	395 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,173
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,519



'Agama lain sedia bantu kami'



SHAH ALAM - Presiden Persatuan Kebajikan Anak-Anak Istimewa Selangor (Orkids), Izhar Hadafi, kesal jabatan agama Islam sukar memberi bantuan kepada NGO OKU, berbanding institusi agama lain.

"Saya berjumpa banyak institusi agama Islam di Selangor selepas persatuan kami, yang menyediakan peluang pembelajaran kepada anak-anak sindrom down mendapat tawaran daripada gereja untuk menanggung segala perbelanjaan tanpa syarat, tetapi tiada institusi Islam yang sedia membantu.

"Kalau diikutkan, saya tidak ada masalah untuk terima bantuan gereja kerana tidak membabitkan apa-apa unsur agama lain dalam pembelajaran, tetapi sebagai seorang Islam saya sangat malu apabila gereja yang tidak mendapat sebarang bantuan kerajaan boleh membuat tawaran begitu," katanya.

Izhar berkata, institusi agama Islam yang dibiayai kerajaan dan orang ramai melalui zakat dan wakaf lepas tangan dalam isu ini dengan alasan OKU tidak termasuk dalam asnaf zakat.

"Sebenarnya asnaf fisabilillah dan muafaf boleh digunakan untuk membiayai institusi penjagaan dan pendidikan OKU.

"Lembaga Zakat Selangor ada menguruskan rumah penjagaan pesakit HIV positif melalui asnaf riqab. Mengapa di dalam kes OKU asnaf yang sama tidak boleh digunakan?," soalnya.

Izhar menegaskan, NGO bukan Islam mendapat sokongan kuat institusi agama mereka, dengan ratusan NGO bukan Islam didaftarkan untuk membantu golongan OKU di Selangor sahaja.

"Kita tak boleh salahkan orang agama lain yang buat kerja mereka, tetapi bagaimana dengan kita orang Islam?"

"Sejarah ada menyebut Nabi Muhammad SAW sangat rapat dengan golongan mustad'fiin, iaitu golongan yang memerlukan. Golongan OKU juga adalah golongan yang memerlukan, adakah kita mengikut sunah ini?," soalnya lagi.

Menurut Izhar, keengganan institusi agama memberi bantuan kepada OKU memberi implikasi besar terhadap umat Islam sendiri.

"Fikirkan. Ibu bapa Islam yang hidup susah terpaksa menghantar anak mereka yang kurang upaya ke pusat komuniti yang dibiayai agama lain.

"Dari situ mereka akan lihat bagaimana orang bukan Islam membantu mereka, berbanding orang Islam sendiri. Kalau kita takut pengaruh agama lain, kenapa kita sendiri tidak bantu orang Islam? Ini membabitkan soal akidah yang kesannya akan dilihat 30-40 tahun lagi," katanya.

Izhar turut menegaskan, institusi agama Islam perlu lebih proaktif dan terbuka, serta tidak menolak untuk memberi bantuan kepada pusat OKU yang disertai orang bukan Islam kerana ia satu jenis dakwah kepada keluarga OKU tersebut.

"Anak-anak sindrom down dan OKU lain juga adalah ahli syurga. Kalau kita bantu mereka, tentu ada ganjaran besar buat kita di akhirat nanti," akhiri beliau.



IZHAR